

Malaysia tawar bangunkan modal insan di Aceh

UM - 27/2/2007.



BANDA ACEH 26 Feb. – Malaysia akan terus menawarkan kepakaran dalam membangunkan modal insan di Aceh dengan memberi latihan perguruan kepada pelatih guru dari wilayah ini yang terjejas teruk ekoran dilanda tsunami lebih dua tahun lalu.

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, dengan cara itu ia membolehkan Aceh yang kini sedang dalam proses membina kembali infrastruktur dapat dibangunkan lebih cepat serta pada masa yang sama mampu menyediakan modal insan bagi mengisi pembangunan tersebut.

“Inilah agenda yang lebih mulia, suci, berkesan dan bererti kerana saya percaya tanpa modal insan yang baik akan menjayakan pembangunan yang sedang dinikmati oleh Aceh pada masa kini,” katanya dalam ucapan pada Konvokesyen Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) Pelajar Aceh Ambilan 2006 di sini, hari ini.

Konvokesyen di Universitas Syiah Kuala itu turut dihadiri Pengarah Bahagian Pendidikan Guru, Wan Mustama Wan Abdul Hayat.

Seramai 105 pelatih guru Aceh menerima Ijazah setelah menamatkan latihan perguruan pra-perkhidmatan di sembilan buah Institut Pendidikan Guru (IPG) di Malaysia pada tahun 2006.

Menurut Hishammuddin, inisiatif untuk membantu proses pembangunan semula pendidikan di Aceh adalah satu pendekatan yang amat penting.

“Bagi saya, kita boleh menunggu pembangunan semula prasarana fizikal bumi Aceh dilaksanakan secara berperingkat, namun kita tidak boleh membiarkan proses pendidikan anak di Aceh terganggu lantaran



HISHAMMUDDIN Tun Hussein berucap pada Konvokesyen Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) Pelajar Aceh Ambilan 2006 di Universiti Syiah Kuala di Banda Aceh, semalam.

– Bernama

kemusnahan yang dihadapi.

“Maka, salah satu perkara utama yang harus kita percepatkan adalah untuk menyediakan guru baru yang terlatih,” katanya.

Menteri Pelajaran itu berkata, selain program latihan perguruan tersebut, Kementerian telah melaksanakan program peningkatan profesionalisme kepada 21 pengetua sekolah dari Aceh melalui Kursus Pengurusan dan Kepimpinan Sekolah yang dikendalikan oleh Institut Aminuddin Baki

(IAB).

Pada tahun ini kata beliau, Kementerian dan Jabatan Pendidikan Aceh akan merintis kerjasama baru dalam latihan perguruan.

Antaranya ialah penghantaran 40 orang guru bahasa Inggeris yang sedang bertugas di Sekolah Percontohan Aceh untuk mengikuti kursus pengukuhan kemahiran dalam proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) di Pusat Latihan Bahasa Inggeris (ELTC) Kementerian Pelajaran Malaysia.